



SIARAN MEDIA

12 PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI NRES, KAMPUNG ARIL SIAP HUJUNG TAHUN INI

Sebanyak 12 projek pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) untuk program Kampung Angkat Madani, Kampung Aril, Melor, Kota Bharu, Kelantan dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad yang melakukan lawatan kerja ke Kampung Aril, hari ini, pelaksanaan projek pembangunan itu memanfaatkan kira-kira 2,200 penduduk kampung tersebut.

Tujuh Jabatan dan Agensi di bawah NRES yang terlibat adalah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC).

Jumlah peruntukan sebanyak RM2.5 juta keseluruhannya diagihkan mengikut keperluan projek. Sebanyak RM210,000 telah diperuntukkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kerja-kerja pembersihan dan mengecat baru tembok *handrail* jambatan serta mencuci tali air dan tebing. Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf tempat pembuangan sampah juga dilakukan dan pemasangan tempat pengumpulan buangan e-waste serta buangan kitar semula. Ini dapat menggalakkan aktiviti kitar semula dan tempat pembuangan barang elektronik yang teratur dan selamat. Selain itu, tali air yang telah dicuci dapat mengelakkan saluran tersebut daripada tersumbat yang dapat mengelakkan risiko berlakunya banjir dan penyakit berjangkit bawaan air.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) pula menyediakan enam unit wakaf untuk kegunaan penduduk kampung beristirahat dan tempat berkumpul dengan melibatkan peruntukan sejumlah RM250,000. Daripada jumlah itu, tiga unit wakaf baharu ditempatkan di masjid, Wat Ariyakiri dan tanah perkuburan. Manakala tiga unit wakaf sedia ada di Klinik Desa, sawah padi dan simpang tiga jalan telah diselenggara dan ditambah baik.

Melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), sebanyak 10 buah telaga cetek dengan kedalaman 30 meter dan satu buah telaga dalam dengan kedalaman 100 meter dibina bagi kegunaan penduduk Kampung Aril. Sebanyak RM302,000 diperuntukkan bagi memastikan bekalan air bawah tanah yang bersih dibekalkan secara berterusan kepada penduduk kampung.

Sebanyak RM600,000 pula diperuntukkan untuk kerja-kerja baik pulih jalan dan pemasangan 44 buah lampu jalan solar di sepanjang jalan utama Kampung Aril yang disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM). Dengan projek ini, ia memberi keselesaan dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

Kerja-kerja menaik taraf Klinik Desa serta pemasangan papan tanda pula disediakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dengan peruntukan sebanyak RM90,000. Melalui kerja-kerja menaiktaraf ini, ia dapat memberi keselesaan kepada pesakit dan pengunjung klinik selain keselesaan kepada kakitangan klinik untuk memberikan perkhidmatan di Klinik Desa Aril.

Manakala, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Taman Inspirasi Kampung Aril serta menaik taraf Wat Ariyakiri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM300,000. Dengan projek ini, ia dapat menarik kemasukan pengunjung luar dan menjana pendapatan ekonomi penduduk setempat.

Dalam perkembangan lain, Nik Nazmi yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Kelantan (MTPNK) turut mengadakan lawatan ke projek pembinaan Bangunan Guna Sama Tunjong, Kubang Kerian pada sebelah pagi.

Bangunan ini dibina di atas tapak berkeluasan 27.28 ekar, merangkumi empat blok bangunan lapan tingkat dengan keluasan 90,000 meter persegi. Antara fasiliti lain turut disediakan adalah tadika, taska, kantin dan surau.

Pembinaan ini bertujuan untuk menempatkan semula semua pejabat-pejabat Kerajaan yang kini berada di Wisma Persekutuan sedia ada di Kota Bharu dan pejabat-pejabat Kerajaan yang menyewa di premis swasta.

Menurut Nik Nazmi, sehingga 12 Ogos 2024, jumlah peruntukan asal yang diluluskan bagi keseluruhan 448 projek bagi Negeri Kelantan adalah sebanyak RM2.8 bilion. Prestasi perbelanjaan negeri adalah 59.98% iaitu lebih tinggi berbanding prestasi perbelanjaan nasional 52.05%.

Daripada 448 projek tersebut, terdapat 92 projek baharu telah diluluskan antaranya Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 2 (Komponen Rancangan tebatan banjir Kota Bharu) dengan kos RM1,064 juta); Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 2 dengan kos RM879 juta; Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 3 dengan kos RM472 juta; pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) 500 JLH Di Mukim Joh Labok, Machang dengan kos RM630 juta dan pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan dengan kos RM401 juta.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

20 SEPTEMBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia